



POLISI

ANTI RASUAH

MAJLIS PERBANDARAN KLANG



www.mpklang.gov.my



Majlis Perbandaran Klang



[majlisperbandaranklang](https://www.tiktok.com/@majlisperbandaranklang)



[mpkcare](https://www.instagram.com/mpkcare)

KATA-KATA ALUAN YANG DIPERTUA

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, kita berjaya membangunkan buku panduan Polisi Antirasuah Majlis Perbandaran Klang sebagai sumber rujukan mengenai jenayah rasuah serta mekanisme pelaporan dan pencegahan.

MPK tidak akan bertolak ansur terhadap apa jua bentuk perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan selaras dengan objektif 'Toleransi Sifar Terhadap Rasuah' kerana perbuatan ini boleh menjejaskan kecekapan dan integriti dalam pentadbiran dan kualiti perkhidmatan di MPK. Sekaligus mencemarkan imej majlis pada pandangan masyarakat.

Semoga polisi antirasuah ini dapat dijadikan panduan / rujukan oleh warga kerja MPK sebagai panduan untuk membendung jenayah rasuah daripada terus berleluasa di MPK. Saya juga menyeru kepada warga kerja MPK agar bersama-sama membantu mencegah dan memerangi perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa serta penyelewengan bagi menjaga integriti, kredibiliti warga kerja MPK dan meningkatkan reputasi perkhidmatan MPK.

Sekian.



YBrs. TPr. Hajah Noraini Binti Roslan S.I.S., P.P.T.
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Klang

ISI KANDUNGAN

1	PENDAHULUAN	1
2	PEMAKAIAN	2
3	TUJUAN	2
4	OBJEKTIF ANTIRASUAH MPK	2
5	TAKRIFAN	3
6	PERNYATAAN POLISI ANTI RASUAH	3
7	PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH	4
8	KESALAHAN - KESALAHAN RASUAH	5
9	HUKUMAN DI BAWAH 24, AKTA 694, SPRM	6
10	KEWAJIPAN MELAPORKAN TRANSAKSI PENYOGOKAN DI BAWAH SEKSYEN 25, AKTA 694, SPRM	6
11	KESALAHAN MENERIMA BARANGAN BERHARGA DENGAN TIADA BALASAN DI BAWAH SEKSYEN 165, KANUN KESEKSAAN (AKTA 574)	7
12	KESALAHAN MEMALSUKAN DOKUMEN DI BAWAH SEKSYEN 465, KANUN KESEKSAAN (AKTA 574)	7
13	UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUATKUASA	7
14	PERANAN DAN TINDAKAN WARGA KERJA MPK	8
15	PERTANYAAN DAN PELAPORAN	8
16	PELAKSANAAN INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN	9
17	PENUTUP	9
18	RUJUKAN	10

PENDAHULUAN

Majlis Perbandaran Klang) mengguna pakai 'Dasar Toleransi Sifar' (Zero Tolerance Policy) terhadap segala bentuk aktiviti rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Polisi anti rasuah MPK menghuraikan dasar antirasuah dan memberi panduan kepada pegawai dan kakitangan tentang kaedah menangani permohonan yang tidak wajar berkaitan dengan aktiviti suapan dan kegiatan rasuah yang berpotensi untuk berlaku dalam menjalankan tugas seharian.

Public Service Corruption Ranking (PSCR) tahun 2020 Agensi di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah Peringkat Kebangsaan Siri 6 Bil.2 tahun 2021 pada 27 Julai 2021 memaklumkan bahawa penarafan semula Majlis Perbandaran Klang sebagai Pihak Berkuasa Tempatan adalah berisiko tinggi dengan kedudukan kedua (2) daripada dua belas (12) Pihak Berkuasa Tempatan.

Justeru itu, polisi Antirasuah ini dibangunkan sebagai satu usaha dalam memerangi perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan. Polisi ini juga merupakan penambahbaikan kepada usaha-usaha sedia ada Majlis Perbandaran Klang dalam mengatasi kelemahan governans dan pelanggaran integriti.



PEMAKAIAN

Pemakaian dan pelaksanaan Polisi Anti Rasuah ini selaras dengan undang-undang yang digunapakai di Malaysia dan menjadi keutamaan pihak MPK untuk mematuhi undang-undang tersebut. Polisi ini terpakai kepada pihak Pengurusan Tertinggi, Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MPK serta turut terpakai kepada semua kontraktor/pembekal, sub-kontraktor/pembekal, konsultan, ejen, wakil dan lain-lain pihak yang menjalankan kerja atau perkhidmatan untuk atau bagi pihak MPK di mana kesemua pihak tersebut perlu mematuhi bahagian yang berkaitan dengan polisi ini apabila melakukan sesuatu kerja atau perkhidmatan di MPK.

Sekiranya terdapat peruntukan di dalam polisi ini yang bertentangan dengan undang-undang yang digunapakai di Malaysia, pihak MPK akan meletakkan keutamaan dengan mematuhi undang-undang yang digunapakai di Malaysia. Namun, jika peruntukan tersebut bertentangan dengan undang-undang di bawah bidang kuasa MPK (conflicts with the law in MPK jurisdiction), MPK akan mengambil tindakan dengan mengadakan perundingan dengan Ketua Jabatan atau Penasihat Undang-undang dan tidak akan sesekali mengabaikan polisi ini tanpa sebarang rundingan.

TUJUAN

Polisi anti rasuah MPK ini diwujudkan bertujuan untuk menjadi sumber rujukan mengenai perlakuan rasuah, mekanisme pelaporan dan pencegahan rasuah bagaimana MPK dan warga kerja MPK boleh menangani kes-kes suapan, rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

OBJEKTIF ANTIRASUAH MPK

- a) Mengambil 100% tindakan dengan melalui prosedur yang telah ditetapkan ke atas aduan berunsur rasuah.
- b) Menjadi panduan kepada pegawai, kakitangan, pihak berkepentingan berkaitan kesalahan rasuah, potensi ke arah dan penyelewengan yang dilarang dalam undang-undang dan peraturan.
- c) Memberi panduan huraian kesalahan rasuah.
- d) Memberi panduan tindakan yang seharusnya diambil untuk menangani rasuah.
- e) Menjadi rujukan kepada pihak badan pengurusan, pihak berkepentingan, pelanggan serta agensi kerajaan dan swasta yang berurusan dengan MPK.

TAKRIFAN

RASUAH

- ⊕ Rasuah dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) membawa maksud memberi atau menawarkan, menerima atau meminta atau setuju untuk menerima atau meminta suapan secara langsung atau tidak langsung sebagai dorongan atau upah untuk melakukan atau tidak melakukan perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi.

SUAPAN

- ⊕ Suapan merujuk kepada tafsiran 'suapan' di bawah Seksyen 3, Akta 694.

WARGA KERJA MPK

- ⊕ Seseorang pegawai atau kakitangan MPK yang dilantik secara tetap, sementara, kontrak atau sambilan oleh Majlis.

PERNYATAAN POLISI ANTI RASUAH

Majlis Perbandaran Klang (MPK) mensasarkan “Toleransi Sifar Terhadap Rasuah!” dalam segala bentuk kegiatan yang berkaitan dengan rasuah, suapan, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. Bagi merealisasikan sasaran tersebut, MPK memberikan penekanan kepada empat (4) terma rujukan berikut:.

- a) Dasar, Perundangan dan Peraturan
 - i. Memahami dan mematuhi undang-undang, peraturan dan lain-lain arahan berkaitan anti rasuah yang berkuatkuasa.
 - ii. Menerapkan elemen antirasuah dalam penggubalan dasar bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap kelemahan governans dan pelanggaran integriti.
- b) Sistem dan Prosedur Kerja
 - i. Mengenal pasti, mengkaji kelemahan dan menambahbaik sistem dan prosedur kerja yang boleh membuka ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.
- c) Pengukuhan Governans dan Integriti
 - i. Menyemai, mendidik dan membudayakan integriti serta memperkukuhkan governans dalam penyampaian perkhidmatan.
- d) Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan
 - i. Memperkasa dan menyebarkan mekanisme pelaporan perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.
 - ii. Memastikan pematuhan kepada peraturan, mengambil tindakan punitif terhadap pelanggaran tatakelakuan dan melaksanakan usaha pemulihan.

PERLAKUAN BERUNSUR DAN BERPOTENSI RASUAH

Perlakuan-perlakuan berunsur dan berpotensi rasuah adalah seperti berikut :

<i>Transactive</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Persetujuan untuk memberi dan menerima suapan (win-win situation)
<i>Extortive</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Ugutan dengan tujuan untuk tidak mengambil tindakan
<i>Defensive</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran dengan tujuan mendapatkan perlindungan
<i>Investive</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran untuk menjamin balasan / habuan pada masa hadapan
<i>Nepotisme</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Penyalahgunaan kuasa dan kedudukan untuk kepentingan peribadi / saudara (keluarga) / sekutu
<i>Autogenic</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Perlakuan rasuah yang telah menjadi amalan dan budaya dalam organisasi
<i>Supportive</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Penempatan proksi / kroni di tempat strategik (hotspot) dalam organisasi

KESALAHAN - KESALAHAN RASUAH

Kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta 694, SPRM adalah seperti berikut :

- i. Kesalahan menerima suapan di bawah Seksyen 16, Akta 694;-
 - a) Mana-mana orang secara rasuah meminta atau menerima atau bersetuju untuk menerima bagi dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi; atau
 - b) Mana-mana orang secara rasuah memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang sama ada bagi faedah dirinya atau orang lain apa-apa suapan sebagai dorongan untuk atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perkara atau transaksi.
- ii. Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen di bawah Seksyen 17, Akta 694, SPRM
 - a) Mana-mana orang sebagai seorang ejen secara rasuah menyetujui terima atau memperoleh daripada mana-mana orang untuk dirinya atau orang lain, apa-apa suapan sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya; atau
 - b) Mana-mana orang sebagai seorang ejen memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan, berhubungan dengan hal ehwal prinsipalnya.
- iii. Kesalahan membuat tuntutan palsu di bawah Seksyen 18, Akta 694, SPRM
 - a) Mana-mana orang yang memberi seseorang ejen, atau sebagai seorang ejen menggunakan, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya, apa-apa resit, akaun atau dokumen lain yang prinsipalnya mempunyai kepentingan, dan dia mempunyai sebab untuk mempercayai mengandungi apa-apa pernyataan yang palsu atau silap tentang apa-apa butir perkhidmatan, dan yang dimaksudkan untuk mengelirukan prinsipalnya.
- iv. Kesalahan menyogok pegawai badan awam di bawah Seksyen 21, Akta 694, SPRM
 - a) Mana-mana orang yang menawarkan kepada seseorang pegawai mana-mana badan awam, atau sebagai seorang pegawai mana-mana badan awam, meminta atau menerima, apa-apa suapan sebagai suatu dorongan atau upah walaupun pegawai itu tidak mempunyai kuasa, hak atau peluang untuk berbuat demikian, atau menerima suapan itu tanpa niat untuk berbuat demikian, atau walaupun dorongan atau upah itu tidak ada hubungan hal ehwal badan awam itu.
- v. Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan dibawah Seksyen 23, Akta 694, SPRM
 - a) Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya.

HUKUMAN DI BAWAH SEKSYEN 24, AKTA 694, SPRM

- i. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 16, 17, 21 dan 23 Akta 694, apabila disabitkan boleh:
 - a. Dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun dan
 - b. Didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- ii. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18, Akta 694, apabila disabitkan boleh: -
 - a. Dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun; dan
 - b. Didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan yang palsu, atau silap itu, atau sepuluh ribu ringgit, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

KEWAJIPAN MELAPORKAN TRANSAKSI PENYOGOKAN DI BAWAH SEKSYEN 25, AKTA 694, SPRM

- i. Mana-mana orang yang diberi, dijanjikan, atau ditawarkan suapan hendaklah melaporkan pemberian, janji atau tawaran itu, berserta dengan nama, jika diketahui, orang yang memberi, menjanjikan atau menawarkan suapan itu kepadanya kepada pegawai SPRM.
- ii. Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen tersebut apabila disabitkan boleh: -
 - a. Didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; atau
 - b. Dipenjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.
- iii. Mana-mana orang yang daripadanya suapan telah diminta atau diperoleh atau suatu cubaan dibuat untuk memperoleh suapan itu, hendaklah melaporkan permintaan atau perolehan, atau cubaan untuk memperoleh suapan itu berserta dengan perihalan yang lengkap dan benar dan, jika diketahui, nama orang yang meminta, atau memperoleh, atau cuba memperoleh, suapan daripadanya kepada pegawai SPRM.

KESALAHAN MENERIMA BARANGAN BERHARGA DENGAN TIADA BALASAN DI BAWAH SEKSYEN 165, KANUN KESEKSAAN (AKTA 574)

Mana-mana pegawai awam yang menerima atau memperoleh, atau setuju untuk menerima atau cuba untuk memperoleh untuk dirinya atau untuk mana-mana orang lain apa-apa barangan berharga dengan tiada balasan atau dengan balasan yang pegawai mengetahui tidak mencukupi daripada mana-mana orang yang pegawai mengetahui telah; atau sedang; atau mungkin berkaitan dengan apa-apa urusan rasmi yang telah dijalankan; atau yang akan dijalankan oleh pegawai itu; atau berkaitan dengan tugas rasmi pegawai atau dengan tugas rasmi mana-mana pegawai di bawah seliaan pegawai itu hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

KESALAHAN MEMALSUKAN DOKUMEN DI BAWAH SEKSYEN 465, KANUN KESEKSAAN (AKTA 574)

Mana-mana orang yang melakukan pemalsuan hendaklah dihukum dengan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN LAIN YANG BERKUATKUASA

Undang-undang dan peraturan lain berkaitan perlakuan rasuah adalah seperti berikut:-

- i. Seksyen 3, Akta 694, SPRM: -
 - a. Mana-mana kesalahan di bawah akta 574 yang dinyatakan dalam jadual – perenggan 3 (a), tafsiran “kesalahan ditetapkan” di bawah akta 694;
 - b. Kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 137 Akta Kastam 1967 (akta 235);
 - c. Kesalahan di bawah bahagian iii akta kesalahan pilihan raya 1954 (Akta 5);
 - d. Sesuatu percubaan untuk melakukan mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c); atau
 - e. Sesuatu persubahatan atau komplot jenayah untuk melakukan (sebagaimana istilah yang ditakrifkan dalam Kanun Keseksaan) mana-mana kesalahan yang disebut dalam perenggan (a) hingga (c), sama ada atau tidak kesalahan itu dilakukan berbangkit daripadanya.
- ii. Seksyen 17A, Akta 694, SPRM.

Kaedah-kaedah Pekerja (Perlakuan dan Tatatertib) Majlis Perbandaran Klang 1995.

Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1997 - Garis Panduan Mengenai Cara Menguruskan Kes-kes Tatatertib Yang Dirujuk Oleh Badan Pencegah Rasuah (kini dikenali sebagai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia).

PERANAN DAN TINDAKAN WARGA KERJA MPK

Dalam usaha menutup ruang dan peluang rasuah, warga kerja MPK hendaklah mengambil tindakan seperti berikut: -

JANGAN MINTA

- Warga kerja MPK dilarang meminta atau menerima apa-apa bentuk suapan.

TOLAK

- Warga kerja MPK hendaklah menolak apa-apa tawaran atau pemberian rasuah.

LAPOR

- Warga kerja MPK hendaklah dengan segera melaporkan apa-apa perlakuan rasuah kepada Ketua Jabatan; atau Unit Integriti MPK atau SPRM.
- Warga kerja MPK boleh melaporkan apa-apa perlakuan rasuah dengan mengemukakan sekurang-kurangnya maklumat asas (5W+1H) seperti berikut:-
 - a. Siapakah (who) yang terlibat?
 - b. Bilakah (when) kejadian berlaku?
 - c. Dimanakah (where) kejadian berlaku?
 - d. Apakah (what) kesalahan yang berlaku?
 - e. Kenapakah (why) kesalahan berlaku?
 - f. Bagaimanakah (how) kesalahan berlaku?
 - g. Saksi atau dokumen berkaitan (sekiranya ada)

PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:-

Unit Integriti
Majlis Perbandaran Klang
Bangunan Sultan Alam Shah,
41675 Klang,
Selangor Darul Ehsan.
Emel: integriti@mpklang.gov.my

PELAKSAAN INTEGRITY PACT DALAM PEROLEHAN

DEFINISI INTEGRITY PACT

Satu proses pengisytiharan oleh pembida/orang awam untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan sesuatu kontrak dan bagi mempercepatkan sesuatu urusan Perolehan Kerajaan. Seterusnya, pembida, orang awam dan pegawai kerajaan akan menandatangani satu pact atau perjanjian untuk tidak melakukan perbuatan rasuah dalam pelaksanaan sesuatu kontrak serta menggariskan tindakan-tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran pact atau kontrak tersebut;

Pelaksanaan *Integrity Pact* adalah selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (IPP);

Bagi meningkatkan integriti dan ketelusan dalam perolehan di MPK, semua pihak yang terlibat dalam perolehan adalah dikehendaki: -

- i. Menandatangani *Integrity Pact* di mana pihak yang terlibat ialah: -
 - a) Pegawai dan kakitangan MPK yang terlibat dalam perolehan;
 - b) Ahli Jawatankuasa yang terlibat dalam perolehan;
 - c) Ahli Lembaga Jawatankuasa Perolehan;
 - d) Pembida dan Perunding.

Memasukkan Klausula Peringatan Kesalahan Rasuah dalam Surat Setuju Terima dan Dokumen Tender.

PENUTUP

Pematuhan terhadap Polisi Anti rasuah ini dapat mencapai sasaran "Toleransi Sifar Terhadap Rasuah" seterusnya menjadi pemangkin kepada kecekapan dan ketelusan pengurusan berteraskan prinsip governans, integriti dan antirasuah.

RUJUKAN

1. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
2. Kanun Keseksaan (Akta 574).
3. Kaedah-kaedah Pekerja (Perlakuan dan Tatatertib) Majlis Perbandaran Klang 1995.
4. Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 mengenai Pemantapan Governans, Integriti dan Anti-Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan.
5. Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023.
6. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1997 - Garis Panduan Mengenai Cara Menguruskan Kes-kes Tatatertib Yang Dirujuk Oleh Badan Pencegah Rasuah (kini dikenali Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia).
7. Public Service Corruption Ranking (PSCR) 2020.
8. Corruption Risk Management (CRM) MPK TAHUN 2021-2023.
9. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (IPP).